

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, July 10, 2019 8:07 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pensyarah Muda SoIS Terima Anugerah 'Venus International Faculty Award'



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

10 JULAI 2019 / 07 ZULKAEDAH 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

Gambar oleh: Dr Narentheren Kaliappen

PENSYARAH MUDA SoIS TERIMA ANUGERAH 'VENUS INTERNATIONAL FACULTY AWARD'



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) sekali lagi berjaya mengharumkan nama di peringkat antarabangsa apabila mendapat pengiktirafan menerusi pensyarahnya, Dr. Narentheren Kaliappen di persidangan antarabangsa tahunan "5th Contemporary Academic Meet-CAM 2019" yang berlangsung di Chennai, India baru-baru ini.

Dr. Narentheren adalah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Antarabangsa (SoIS) yang juga merupakan Felo Penyelidik IMBRe UUM, menerima anugerah 'Young Faculty in Management' yang disampaikan oleh Dr Desti Kannaiah dari James Cook University, Singapura.

Turut hadir Prof V. Padmavathi dari Sri Venkateswara University Tirupati, India; Prof Anirbid Sircar dari Pandit Deendayal Petroleum University Gandhinagar, India dan pengerusi Venus International Faculty, Dr R. Sathishkumar.

Anugerah tahunan oleh VIFA dengan kerjasama Centre for Advanced Research and Design (CARD) India ini meraikan kecemerlangan dan penglibatan profesion tenaga pengajar

mengikut bidang masing-masing yang telah menunjukkan kecemerlangan dengan melibatkan pelajar dalam memberi inspirasi dan inovasi bagi menyerlahkan potensi mereka.

Pada persidangan itu juga, Dr. Narentheren dijemput sebagai tetamu kehormat untuk menyampaikan *special address* bertajuk 'Connecting the dots among university research, industry revolution 4.0 and higher education teaching and learning through teaching case study.'

Selain itu beliau juga diberi peluang untuk menyampaikan ucap tama bertajuk 'Top 8 tips to evolve yourself as a teaching case writer.'

Mengulas mengenai pengiktirafan yang diterimanya itu, beliau berasa terharu dan gembira serta bersyukur kerana dapat memartabatkan nama UUM di arena pendidikan dunia.

"Jemputan sebagai pengucap tama di persidangan antarabangsa seperti ini adalah satu penghargaan besar kepada pensyarah muda seperti saya.

"Anugerah ini memberi semangat dan motivasi untuk saya terus maju serta membantu mengukuhkan lagi tahap pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan. Ini merupakan anugerah kedua saya pada tahun ini, selepas menerima Anugerah Tenaga Pengajar Terbaik, Pusat Asasi Pengurusan, UUM pada April lalu," ujarnya.

Beliau juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani; Dekan SoIS, Prof. Madya Dr. Muhammad Fuad Othman; Pengarah IMBRe UUM, Prof. Madya Dr. Zarifah Abdullah serta semua warga UUM atas segala sokongan dan dorongan yang diberikan kepadanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.